

Menjadi Sukarewan di Malaysia

Dalam setiap peluang melayani, anda boleh lihat cahaya Kristus

(Hanya untuk orang bukan Islam)

“Apabila kamu berada dalam pelayanan sesamamu, kamu semata-mata dalam pelayanan Tuhanmu” (Mosia 2:17). Ramai ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir telah menjalani asas yang Raja Benyamin ajarkan ini, dan telah menemui tujuan yang mendalam semasa melayani orang lain.

Sister Chen Ying dari Cabang Petaling Jaya di Kuala Lumpur telah menjadi sukarelawan pertubuhan bukan untung, MERCY Malaysia selama beberapa tahun. Pada Disember 2022, beliau sertai ramai yang lain dalam bantuan banjir besar yang melanda kawasan Terengganu. Skop dan tempoh masa bencana ini memerlukan bantuan sukarelawan pada minggu Krismas. Dia meluangkan 5 hari di Terengganu semasa cuti Krismas.

Chen Ying ialah ahli psikologi klinikal yang terlatih, dan dia menjadi sukarelawan Perkhidmatan Sokongan Kesihatan Mental dan Psikososial MERCY Malaysia untuk menyediakan Pertolongan Cemas Psikologi (PFA) kepada mangsa bencana, bertujuan untuk mengurangkan kesan terhadap kesejahteraan emosi, mental dan fizikal individu yang terjejas.



Sister Chen Ying ©2023 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Beliau menjelaskan, “Dalam misi bantuan banjir terbaru, peranan kami adalah untuk memberi bantuan dengan menyediakan sokongan mental dan psikososial kepada mangsa banjir. Kami mendaftar dengan organisasi tempatan dan menyokong usaha komuniti sedia ada. Kami sediakan penjagaan PFA dan psikososial untuk membina daya tahan di kalangan individu dan keluarga, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan terjejas. Kami mengajar mereka mekanisme daya tindak, termasuk teknik relaksasi dan membantu mereka tumpukan pada apa yang mereka masih miliki dan bukan pada kehilangan. Kami mendidik mereka jika gejala mereka berlarutan selama lebih sebulan maka harus hubungi dan mendapatkan bantuan profesional.

“Kadangkala komunikasi mungkin sukar kerana halangan bahasa. Dalam misi saya di Kelantan sebelum ini, saya melukis jalur komik dan gunakan bahasa mereka untuk gambarkan hal yang mereka perlu elak, hal yang mereka patut lakukan, dan hal yang mereka perlu ambil perhatian, termasuk tabiat sihat dan bila untuk menghubungi

bantuan lanjut. Orang yang beragama digalakkan untuk berdoa dan membaca kitab suci sebagai sebahagian daripada sokongan mereka. Kita semua faham itu.

“Apa yang amat menyentuh saya ialah pengalaman bersama sukarelawan lain dalam membantu mereka yang memerlukan sepanjang Krismas, walaupun kami ada perbezaan. Kami datang dari pelbagai latar belakang dengan kepakaran dan berbeza kepercayaan agama, tetapi kami semua bersedia menyahut seruan untuk melayani. Kerendahan hati yang kita lihat pada sesama menghasilkan kebaikan, yang membawa semangat bermasyarakat. Ia menguatkan kepercayaan saya bahawa kita tidak boleh hanya tinggal dalam kumpulan sendiri, kita perlu menjangkau dan membiarkan orang lain melihat cahaya-Nya. Saya gembira kerana saya, dalam cara yang kecil, dapat melakukannya.”

MERCY Malaysia ialah sebuah organisasi bukan untung dengan sejarah panjang dalam bantuan bencana perubatan di Malaysia. Chen Ying juga melakukan kaunseling sukarela dengan MERCY pada 2014 apabila tragedi dua pesawat Malaysia Airlines. Pesawat 370 hilang di lautan pada Mac 2014 dan Pesawat 17 yang terkena peluru berpandu di Ukraine pada Julai tahun yang sama. Dia membantu menyediakan PFA dan sokongan kesihatan mental kepada anak kapal dan kakitangan lapangan terbang yang terus bekerja selepas bencana tersebut.



Sister Chen Ying ©2023 by Intellectual Reserve, Inc. All rights reserved.

Walaupun Chen Ying telah melayani tragedi sukar ini, dia kekal positif tentang melayani orang lain. Dia berikan galakkan ini kepada mereka yang mungkin berminat untuk sukarela, “Mulakan sahaja dengan bercakap dengan sukarelawan. Jangan berfikir banyak, lakukan sahaja. Ada banyak yang diperoleh dan tidak rugi. Saya terlepas menyambut Krismas bersama keluarga, tetapi kami merayakannya selepas bencana itu. Lagipun, Krismas adalah masa untuk menjaga, berkongsi dan memberi. Adalah kesempatan saya untuk hulurkan tangan kepada mereka yang memerlukan sepanjang musim perayaan, ini satu cara untuk menghayati semangat sebenar Krismas. Dalam setiap peluang melayani, anda boleh melihat cahaya Kristus. Apabila kita tumpukan

masa, sumber, dan bakat kita dalam melayani orang lain, kita dapat melihat banyak kebaikan di dunia yang menyatukan orang dan memperbaharui harapan.”